

30/04/1997

Lebih 2,000 warga pendidikan berkampung di Kuantan

LEBIH 2,000 warga pendidikan dari seluruh negara akan berkampung di Kuantan bagi meraikan sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan 1997 yang dijadualkan berlangsung di Dewan Sukpa, 16 Mei depan.

Sebelum pelancaran Hari Guru yang dijangka dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu mereka akan menyertai pelbagai acara, termasuk majlis tahlil dan makan malam.

Menurut urus setia, majlis tahlil akan diadakan di sebuah masjid di Kuantan pada 15 Mei selepas waktu Asar, diikuti jamuan makan yang ditaja oleh kerajaan Pahang pada sebelah malamnya.

Selain penyertaan pelbagai lapisan warga pendidikan, katanya, sambutan kali ini berbeza berbanding sebelumnya terutama dari segi atur cara persembahan pada hari pelancaran.

Beliau berkata, persembahan pada hari pelancaran akan menggabungkan pelbagai suasana dan perkembangan dunia pendidikan, termasuk pertunjukan multimedia yang memfokuskan matlamat yang hendak dicapai selaras tema Hari Guru tahun ini.

Tema pilihan sambutan Hari Guru kali ke-26 itu ialah "Guru Bestari Sekolah Bestari" yang antara lain bermatlamat memastikan sistem pendidikan negara dapat memainkan fungsi sejajar arus perdana.

Selain anugerah Tokoh Guru Kebangsaan (TGK) pelbagai hadiah lain akan disampaikan pada hari pelancaran itu, termasuk Guru Inovatif, Guru Cemerlang Pendidikan Khas dan Sekolah Harapan Negara.

Difahamkan, pemilihan calon yang bersesuaian berdasarkan syarat yang ditetapkan bagi menerima pelbagai kategori anugerah itu baru sahaja selesai dijalankan Mengikut kelaziman pemilihan TGK, antara syarat yang ditetapkan ialah seboleh-bolehnya calon berkeelayakan itu dipilih di kalangan tokoh guru peringkat negeri.

Selain warganegara calon terbabit hendaklah sedang atau pernah berkhidmat sama ada sebagai guru, pengetua, pensyarah atau pentadbir dalam perkhidmatan pendidikan.

Calon yang dipilih hendaklah berusia 50 tahun ke atas, selain mempunyai kecemerlangan dalam pelbagai aspek.

Pada tahun ini tiga atau empat tokoh yang membuktikan kecemerlangan di bidang pendidikan dijangka diberi anugerah TGK.

(END)